

Dr. Mahathir sahut cabaran Fadzil Noor

# Malaysia negara Islam — PM

29 SEP 2009

Oleh  
ASUKI ABAS dan NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini secara terbuka menyahut cabaran Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dengan menegaskan bahawa Malaysia adalah negara Islam yang selari dengan ajaran Islam.

Menurut Perdana Menteri, rakyat bukan Islam mempunyai hak untuk menganggap negara ini sebagai sebuah negara sekular tetapi parti peneraju kerajaan iaitu UMNO menganggap Malaysia sudah memenuhi syarat yang cukup untuk mengaku sebagai negara Islam.

“Ya (mengaku secara rasmi Malaysia adalah sebuah negara Islam), kita dah berkali-kali kata dan parti lawan tidak perlu tanya lagi; memang Malaysia sebuah negara Islam kerana definisi negara Islam ini luas.

## ● MCA dan Gerakan terima konsep Islam Malaysia — Muka 2

“Jadi kita hendak tahu apa dia negara Islam yang dia (parti Pas) sebenarnya hendak, kerana kita sudah ada (negara Islam),” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar ketika diminta mengulas ucapan yang disampaikan semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan Ke-30 di sini.

Dr. Mahathir dalam ucapannya di hadapan perwakilan persidangan itu yang dihadiri oleh sebilangan besar masyarakat bukan Islam, beliau menyatakan: “UMNO ingin menyatakan secara terang-terang bahawa Malaysia adalah negara Islam berasaskan kepada pendapat ramai daripada ulama-ulama zaman dahulu yang telah menjelaskan apa dia negara Islam.”

Fadzil ketika berucap merasmikan sambutan 50 tahun Pas kebangsaan di Kota Bharu, Kelantan, mencabar Perdana Menteri mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam di Parlimen.

■ Lihat muka 4

# Malaysia negara Islam — PM

Sebelum itu, Perdana Menteri meminta Pas mengemukakan bentuk negara Islam yang hendak ditubuhkan agar tidak mengelirukan rakyat tetapi parti pembangkang itu menyatakan akan menjelaskan menenainya selepas mereka menang pilihan raya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, undang-undang sedia ada di negara ini adalah sama dengan undang-undang negara Islam di zaman Khulafa Ar-Rasyidin selepas kemangkatan Rasulullah saw.

“Mereka (khalifah-khalifah) tidak mengenakan zakat dan ada undang-undang serta cukai lain untuk orang bukan Islam.

“Jadi apa yang kita telah buat sekarang adalah se-cok dengan negara Islam,” tegas Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, Pas sengaja mencabar UMNO membuat pengumuman tersebut dengan harapan parti komponen Barisan Nasional (BN) lain akan menentang sekiranya ia dinyatakan secara jelas.

“Tetapi kita tengok Malaysia sekarang ini, adakah apa-apa masalah bagi orang bukan Islam (kerana) kita tidak paksa mereka jadi Muslim atau memotong apa-apa.

“Bagi dia (parti komponen BN), tafsiran Malaysia sekarang ini ialah negara sekular, begitu juga dengan ba-

nyak negara lain yang kata Malaysia adalah negara sekular (jadi) kalau dia nak takrifan sedemikian itu hak dia sedangkan bagi kita (UMNO), kita sudah cukup syarat untuk jadi negara Islam,” tegas beliau.

Dr. Mahathir menambah, dunia bukan sahaja mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam malah negara-negara Arab menganggap negara ini sebagai contoh dan model negara Islam yang berjaya kerana tidak berlaku penindasan terhadap orang bukan Islam.

Pas, katanya, dijangka tidak akan setuju dengan anggapan tersebut kerana parti itu mendakwa akan mendirikan negara Islam dengan

tujuan untuk memancing undi sahaja.

Terdahulu, Perdana Menteri dalam ucapannya menyatakan, jika Malaysia dianggap bukan negara Islam hanya kerana tidak melaksanakan hukum hudud, maka tidak ada negara Islam dalam dunia ini kerana semua negara tersebut tidak melaksanakan hudud.

“Dalam dunia sekarang terdapat kira-kira 50 buah negara yang diterima dan diiktiraf sebagai negara Islam dan diterima dalam Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) kerana walaupun ada negara yang bukan Islam, ada daripada mereka yang mempunyai penduduk yang ramai

terdiri daripada orang Islam.

“Penyelidikan yang kita buat menunjukkan bahawa hampir semua daripada negara Islam ini tidak dapat melaksanakan hukum hudud namun mereka masih dianggap dan mengakui bahawa negara mereka adalah negara Islam,” kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, majoriti penduduk Malaysia adalah Islam dan kuasa pemerintahan juga dipegang oleh orang Islam.

“Kuasa milik orang Islam bukan untuk menindas orang bukan Islam sebaliknya hendaklah memerintah dengan adil kerana ini adalah ajaran Islam,” kata beliau.